

25/11/1999

Dewan perniagaan Cina sokong BN

t Noor

KUALA LUMPUR, Rabu - Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCCIM) yang mewakili ahli perniagaan Cina di Malaysia, melahirkan sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah negara ini.

Presidennya, Datuk Lam Guan Teik, berkata masyarakat perniagaan Cina di negara ini terus menyokong BN pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana prestasi yang dicapai selama ini, khususnya kejayaan memulihkan ekonomi negara dengan berkesan.

Beliau berkata, pencapaian kerajaan BN itu dianggap menakjubkan kerana bukanlah mudah untuk memuaskan kehendak rakyat dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia.

"Rayuan masyarakat Cina untuk layanan lebih adil, peluang perniagaan dan pendidikan lebih saksama masih tidak dapat ditunaikan sepenuhnya.

"Namun, persefahaman masyarakat Cina dan semangat bertimbang rasa dalam perkara ini, menyumbang kepada perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan pelbagai kaum.

"Kami sedar ini adalah dasar pemerintahan BN, dan tanpa adanya dasar gantian yang lebih memuaskan, dasar ini perlu diteruskan dan disokong," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, di sini petang ini.

ACCCIM adalah badan utama bagi golongan perniagaan Cina di negara ini, dengan keahlian lebih 35,000 perniagaan di seluruh negara.

Di JOHOR BAHRU, sebuah lagi pertubuhan yang mewakili golongan majoriti senyap dengan keahlian 61,000 di seluruh Johor, menyatakan sokongan padu kepada BN.

Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) serta ahlinya di 28 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh daerah hari ini mengumumkan sokongan penuh kepada Dr Mahathir, barisan Kabinetnya serta pemimpin parti komponen BN.

Wakil Lembaga Pengarahnya, Ariff Kasim, berkata masyarakat peladang di negeri ini berpendirian teguh tetap menyokong BN dalam pilihan raya kali ini.

Di ALOR STAR, lebih 15,000 ahli Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Kedah (PPKMK) akan memberi sokongan kepada calon BN pada pilihan raya ini.

Presidennya, Mohd Said Abdullah, berkata mereka sepakat memberi sokongan yang tidak belah bahagi kepada semua calon BN di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, kerajaan pemerintahan BN ternyata banyak membawa perubahan kehidupan penjaja dan peniaga kecil dengan menyalurkan pelbagai bantuan kewangan.

Di MELAKA, Persatuan Muslim Melaka (PMM) berikrar untuk memberi sokongan padu kepada BN pada pilihan raya kali ini supaya parti itu dapat terus menubuhkan kerajaan.

Presidennya, Sulaiman Mohamad, berkata sudah menjadi tanggungjawab PMM untuk menyokong kerajaan pimpinan BN yang sentiasa mengutamakan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Bagi memastikan tidak ada antara 2,000 anggota persatuan itu tercicir daripada memberi sokongan padu kepada BN, sebuah jawatankuasa kerja untuk berkempen dari rumah ke rumah dibentuk persatuan itu baru-baru ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja itu, di sini hari ini.

Di GEORGETOWN, Liga Muslim Pulau Pinang (LMPP) yang dianggotai lebih

10,000 ahli menyatakan sokongan padu terhadap Barisan Nasional (BN).

Presiden LMPP, Datuk Shaik Allaudin Ismail, berkata sokongan itu selaras dengan prinsip liga yang sentiasa menyokong dan setia terhadap kerajaan sejak ia ditubuhkan pada 1945.

"Tidak ada sebab untuk kita menukar kerajaan yang sudah berjaya membuktikan banyak projek pembangunan dimajukan untuk kesejahteraan rakyat pelbagai kaum," katanya.

Sementara itu, sebahagian besar peniaga barangan kemas di negeri ini akan ditutup Isnin ini bagi memberi peluang pekerjaanya mengundi.

Timbalan Presiden Saudagar Barangan Emas dan Pengurup Wang Muslim Pulau Pinang, Abd Wahid Abd Wahab, berkata persetujuan itu dicapai melalui mesyuarat khas yang diadakan, malam semalam.

(END)